

29/12/1998

RM5b hartanah saja belum dijual: PM (HL)

Jamhariah Jaafar; Hatipah Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin - Laporan yang mendakwa hartanah bernilai RM80 bilion masih belum dijual di seluruh negara tidak tepat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, jumlah hartanah yang masih belum terjual cuma pada sekitar RM5 bilion.

"Angka RM80 bilion itu tidak tepat. Sebenarnya tidak sampai jumlah yang sebegitu besar. Ia jadi begitu kerana mereka mengambil kira juga rancangan yang belum dilaksanakan.

"Kita lebih memberi perhatian kepada projek yang sudah siap atau separuh siap supaya kita boleh mula dengan projek yang belum dimulakan," katanya selepas merasmikan Kempen Pemilikan Rumah anjuran Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM) di Pusat Dagangan Dunia Putra, petang ini.

Anggota Urusetia Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Dr Sulaiman Mahbob semalam menulis di akhbar New Sunday Times, sejumlah RM80 bilion hartanah masih tidak dijual.

Daripada jumlah itu, antara RM5 bilion hingga RM6 bilion dalam bentuk rumah kediaman yang belum dijual.

Dr Mahathir menegaskan, pencapaian jualan yang mencatat RM1 bilion selepas seminggu Kempen Pemilikan Rumah dilancarkan tidak mustahil kerana ia membabitkan penjualan rumah di seluruh negara.

"Yang kita buat ini di seluruh Malaysia dan sebuah rumah nilainya begitu tinggi. Jadi RM1 bilion, bilangan rumahnya tidak begitu besar," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, kempen yang bertujuan membantu industri pembinaan itu tidak akan dilanjutkan kerana tempoh sebulan yang diberi mencukupi untuk menyegarkan semula sektor berkenaan.

Menurutnya, walaupun sambutan sebenar rakyat asing terhadap kempen yang turut memberi kelonggaran kepada pemilikan asing itu belum diketahui, Johor dikatakan mencatat prestasi baik.

Dr Mahathir turut melahirkan rasa puas hati dengan sambutan begitu hangat pada hari pertama pameran di PWTC itu.

"Saya yakin dengan sambutan ini, penjualan rumah di Malaysia akan meningkat dan menolong memperbaiki ekonomi negara," katanya.

Pameran itu berjaya menarik penyertaan 84 pemaju hartanah dari seluruh negara dan dianggar menjadi tumpuan lebih 10,000 pengunjung yang tidak berhenti-henti memenuhi Dewan Tun Razak PWTC pada hari pertama, hari ini.

Ia dibuka dari jam 11 pagi hingga 9.30 malam setiap hari dan dari jam 10 pagi hingga 9.30 malam pada Ahad dan cuti umum.

Jurucakap Jawatankuasa Penganjur berkata, sambutan yang menggalakkan itu adalah berikutan kejayaan promosi besar-besaran di seluruh negara.

Sambutan itu juga berikutan kesedaran orang ramai terhadap usaha kerajaan yang mahu meningkatkan semula pertumbuhan industri hartanah dan peluang mendapatkan diskaun harga yang menarik mengikut pertimbangan pemaju.

Pameran itu diadakan sempena kempen pemilikan rumah yang berlangsung sebulan hingga 12 Januari ini membabitkan penyertaan semua pihak termasuk HDAM, institusi kewangan tempatan dan kerajaan.

Pelbagai cara dilakukan oleh pemaju hartanah melalui hampir 109 gerai di pameran itu seperti melengkapkan gerai masing-masing dengan kemudahan bantuan lain seperti televisyen, model projek, keterangan bergambar dan brosur.

Selain pemaju hartanah, pameran itu juga menarik penyertaan besar

institusi kewangan tempatan termasuk 16 syarikat kewangan, 28 institusi kewangan dan tujuh syarikat insurans.

Pameran itu turut menarik penyertaan sektor kerajaan untuk memberi penerangan kepada pengunjung seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Bahagian Pinjaman Perumahan di Kementerian Kewangan.

(END)